

BAB KETIGA

BAB KETIGA

ANALISIS DATA DAN LAPORAN HASIL KAJIAN

3.1 Pengenalan

Untuk menganalisa data, diutamakan data dari hasil temubual dengan para informan, data hasil pengamatan sama ada partisipan mahupun bukan partisipan serta pemerhatian terhadap kitab-kitab rujukan yang digunakan oleh organisasi NU dan Muhammadiyah dalam membuat fatwa. Selain daripada itu, untuk lebih menyakinkan kevalidan data, penulis menggunakan soal selidik yang melibatkan jumlah responden seramai 200 orang terdiri dari masyarakat provinsi Lampung dari kalangan NU dan Muhammadiyah yang berada di beberapa daerah di sana. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan dan kefahaman mereka mengenai pembahagian *al-Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah*, pengamalan mereka terhadap *al-Sunnah* tersebut serta implikasinya dalam kehidupan sosial dan masyarakat.

3.2 Analisis Data Kajian Soal Selidik

Berikut ini penulis akan melaporkan analisis data kajian soal selidik yang meliputi empat bahagian, iaitu:

BAGIAN A : Data Peribadi

BAGIAN B : Menjelaskan tentang pengetahuan dan pemahaman responden terhadap *al-Sunnah* yang meliputi: 1) kefahaman tentang Pengertian *al-Sunnah*; 2) Pembahagian *al-Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah*; 3) Kemungkinan Rasulullah berjihad

dan kemungkinan beliau salah dalam berjihad; 4) Pemahaman terhadap *al-Sunnah* boleh menjadi sebab perbezaan dalam beragama (tata cara ibadah)

BAGIAN C : Menjelaskan tentang latar belakang organisasi keagamaan responden yang meliputi: 1) Latar belakang organisasi mereka, sama ada NU ataupun Muhammadiyah; 2) Alasan mereka mengikuti organisasi tersebut; 3) Kefahaman responden terhadap beberapa amaliyah yang menjadi khilafiah di kalangan NU dan Muhammadiyah seperti bacaan qunut, tahlilan dan do'a bersama setelah solat, yang mana hal ini semua untuk mengetahui latar belakang organisasi yang dianut oleh para responden.

BAGIAN D : Menjelaskan tentang implikasi daripada fahaman terhadap pembahagian *al-Sunnah* terhadap amalan Ibadah dan kehidupan sosial masyarakat.

3.2.1 Profil Responden

Responden yang terlibat di dalam kajian ini merangkumi pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza dari segi usia, jantina dan latar belakang pendidikan. Kajian ini seboleh mungkin coba mendapatkan kepelbagaian responden bagi menggambarkan keseluruhan populasi masyarakat Islam sama ada dari organisasi NU mahupun Muhammadiyah yang berada di provinsi Lampung huraian setiap dimensi maklumat ditunjukkan dalam bentuk jadual sebagaimana berikut:

Jadual 3.2.1 (a) Jantina Responden

No	Jenis jantina	kekerapan	Peratus
1	Lelaki	92	46
2	Perempuan	118	54
	Jumlah	200	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual di atas terlihat bahawa seramai 200 orang terlibat dalam kajian soal selidik ini. Adapun jumlah responden antara lelaki dan perempuan cukup berimbang, iaitu 92orang (46%) lelaki dan 118 orang (54%) perempuan.

Jadual 3.2.1 (b) Umur Responden

No	Umur	Kekerapan	Peratus
1	20-30	164	82
2	31-40	24	12
3	41 keatas	12	6
4	Jumlah	200	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Jadual di atas menunjukkan bahawa responden yang paling ramai ialah berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun, iaitu seramai 164 orang (82%), diikuti oleh yang berumur 31 hingga 40 tahun, iaitu seramai 24 orang (12%) dan 12 orang (6%) berumur 41 tahun ke atas. Kalau dilihat daripada peringkat umur, data yang diperoleh menunjukkan bahawa majoriti responden daripada golongan remaja yang berumur antara 20 hingga 30 tahun.

Jadual 3.2.1 (c) Tingkat Pendidikan

No	Pendidikan	Kekerapan	Peratus
1	SMP (SPM)	18	9
2	SMU (PMR)	86	43
3	Diploma	46	23
4	S 1 (Ijazah)	42	21
5	S2 (sarjana)	6	3
6	Missing	2	1
	Jumlah	200	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual di atas dapat diketahui bahawa responden yang berkelulusan SPM seramai 18 orang (9%), yang berkelulusan PMR seramai 86 orang (43%), diploma seramai 46 orang (23%), yang berkelulusan ijazah 42 orang (21%) manakala responden yang berkelulusan sarjana seramai 6 orang (3%). Bila dilihat dari kelulusan para responden, maka boleh diketahui bahawa majoriti responden berkelulusan PMR iaitu seramai 86 orang (43%) daripada jumlah responden keseluruhannya.

Jadual 3.2.1 (d) Latar Belakang Pendidikan

No	Jenis Sekolah	Kekerapan	Peratus
1	Agama	44	22
2	Umum	156	78
	Jumlah	200	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual di atas, dapat dikemukakan bahawa majoriti pelajar berasal daripada sekolah umum iaitu seramai 156 orang (78%), manakala pelajar yang berasal daripada sekolah agama hanya seramai 44 orang (22%).

Jadual 3.2.1 (e) Pekerjaan

No	Jenis Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
1	PNS	8	4
2	Swasta	74	37
3	Usaha Sendiri	30	15
4	Lain-lain	88	44
	Jumlah	200	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Dilihat daripada jadual di atas, profil responden mengikut jenis pekerjaan, sebahagian besar mereka bekerja pada sektor swasta, iaitu seramai 74 orang (37%), manakala yang bekerja pada sektor kerajaan (PNS) seramai 8 orang (4%), yang usaha sendiri seramai 30 orang (15%), dan seramai 88 orang (44%) bekerja pada sektor lain iaitu

menjadi buruh dan tani. Sebagaimana dilihat pada taburan responden mengikut status bekerja di atas.

Jadual 3.2.1 (f) **Lokasi Perumahan**

No	Lokasi Perumahan	Kekerapan	Peratus
1	Kampung	116	58
2	Komplek	46	23
3	Lain-lain	38	19
	Jumlah	200	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Dilihat daripada jadual di atas profil responden mengikut status rumah, sebahagian besar responden duduk di rumah yang berada di kawasan kampung, iaitu seramai 116 orang (58%), manakala seramai 46 orang (23%) duduk di rumah yang berada di kawasan kompleks, dan seramai 38 orang (19%) pula duduk di kawasan lain.

3.2.2 Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap *al-Sunnah*

Bagi menganalisis Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap *al-Sunnah*, penulis telah menghubungkannya dengan item-item pengertian tentang *al-Sunnah* dan pembahagiannya kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah*, kedudukan *al-Sunnah* dalam hukum Islam, sebanyak 9 soalan telah dikemukakan. Adapun dari 200 responden yang terlibat dalam kaji selidik ini, pengkaji telah pun membahagikan dan mengelompokkan para responden kepada dua kelompok, iaitu yang berfahaman NU seramai 100 orang dan Muhammadiyah seramai 100 orang. Soalselidik disebar oleh pengkaji kepada responden yang duduk di Provinsi Lampung sama ada di kampung mahupun bandar yang terdapat di dalamnya komuniti yang berfahaman NU ataupun Muhammadiyah. Sebanyak 250 soalselidik disebar oleh

pengkaji kepada responden, dan dari 250 soalselidik, seramai 217 yang mengembalikan soalselidik tersebut dan dari jumlah tersebut terdapat 4 soalselidik yang tidak bisa digunakan kerana tidak lengkap dan selebihnya tidak dipilih kerana sudah tercukupi jumlah 200 responden dengan masing-masing organisasi 100 responden.

Jadual 3.2.2 (a) **Pengertian al-Sunnah yang difahami oleh responden**

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Diberi pahala orang yang melakukannya dan tidak dihukum orang yang meninggalkannya	12	12	31	31
2	Apa sahaja yang berasal daripada Nabi berupa perkataan, perbuatan, dan persetujuannya yang mengandungi implikasi salah satu daripada hukum yang lima, iaitu <i>wajib, mandūb, mubāh, harām dan makrūh</i>	46	46	25	25
3	Tidak tahu	42	42	44	44
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual di atas, diperolehi informasi bahawa dikalangan masyarakat yang berfahaman NU, seramai 12 orang (12%) responden memilih jawapan no 1 iaitu diberi pahala orang yang melakukannya dan tidak dihukum orang yang meninggalkannya, 46 orang (46%) memilih jawapan no 2 iaitu Apa sahaja yang berasal daripada Nabi berupa perkataan, perbuatan, dan persetujuannya yang mengandungi implikasi salah satu daripada hukum yang lima, iaitu *wajib, mandūb, mubāh, harām dan makrūh* dan seramai 42 orang (42%) memilih jawapan no 3 iaitu tidak tahu.

Adapun penduduk Lampung yang terlibat soalselidik yang berfahaman Muhammadiyah, seramai 31 orang (31%) memilih jawaban no 1, seramai 25 orang (25%) memilih jawaban no 2, dan seramai 44 orang (44%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

Dari perbincangan di atas dapat diperolehi informasi bahawa majoriti responden dari kedua-dua organisasi belum mengetahui pengertian *al-Sunnah* itu sendiri iaitu 44 orang (44%) daripada Muhammadiyah dan 42 orang (42%) daripada NU, manakala kefahaman responden dari kalangan NU tentang pengertian *al-Sunnah* yang sesuai dengan pengertian para ahli Usul (usuliyun), sedikit lebih baik daripada kefahaman responden dari kalangan Muhammadiyah iaitu 46 orang (46%) dari kalangan NU berbanding 25 orang (25%) daripada kalangan Muhammadiyah.

Jadual 3.2.2 (b) Di dalam *al-Sunnah* terdapat pembahagian yang bersifat *tasyri'* dan bukan *tasyri'*

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ia	19	19	14	14
2	Tidak	7	7	3	3
3	Tidak tahu	74	74	83	83
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Dari jadual di atas dapat di kemukakan bahawa seramai 19 orang (19%) di kalangan masyarakat yang berfahaman NU memilih jawaban no 1, yang membenarkan bahawa di dalam *al-Sunnah* terdapat pembahagian yang bersifat *tasyri'* dan bukan *tasyri'*, seramai 7 orang (7%) memilih jawaban no 2 iaitu tidak setuju dengan adanya pembahagian sunnah kepada *tasyri'iyah* dan *ghayr tasyri'iyah* dan majoriti dari mereka 74 (74%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak mengetahui tentang adanya pembahagian tersebut. Adapun

penduduk lampung yang terlibat soalselidik yang berfahaman Muhamadiyah, seramai 14 orang (14%) memilih jawaban no 1, seramai 3 orang (3%) memilih jawaban no 2, dan seramai 83 orang (83%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

Dari perbincangan di atas dapat diperolehi informasi bahawa majoriti responden dari kedua-dua organisasi belum mengetahui adanya pembahagian *al-Sunnah* kepada *tasyri'iyah* dan *ghayr tasyri'iyah*, iaitu 74 orang (74%) dari NU dan 83 orang (83%) dari Muhammadiyah berbanding yang mengetahui adanya pembahagian sama ada yang menyatakan bahawa tidak ada pembahagian mahupun yang menolak adanya pembahagian iaitu 26 (26%) orang dari NU dan 17 (17%) orang dari Muhammadiyah. Ini menandakan bahawa istilah *tasyri'iyah* dan *ghayr tasyri'iyah* dalam *al-Sunnah* dalam kalangan mereka ramai yang belum mengetahuinya.

Jadual 3.2.2 (c) **Sunnah merupakan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an.**

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	Kekerapan	Peratus
1	Ia	75	75	79	79
2	Tidak	4	4	8	8
3	Tidak tahu	21	21	13	13
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Dari jadual di atas dapat diketahui bahawa majoriti responden sama ada daripada NU ataupun Muhammadiyah memilih jawaban no 1 yang menyatakan bahawa *Sunnah* merupakan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an, iaitu seramai 75 orang (75%) dari kalangan NU dan seramai 79 orang (79%) daripada kalangan Muhammadiyah, seramai 4 orang (4%) dari kalangan NU dan 8 orang (8%) dari kalangan Muhammadiyah memilih jawaban no 2. Adapun yang memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu bahawa *Sunnah* merupakan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an daripada kalangan NU seramai 21 orang (21%), sedangkan daripada kalangan Muhammadiyah seramai 13 orang (13%).

Dari perbincangan di atas menunjukkan bahawa majoriti responden, sama ada dari kalangan NU ataupun daripada kalangan Muhammadiyah mengetahui bahawa *al-sunnah* merupakan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an.

Jadual 3.2.2 (d) **Apakah anda mengetahui maksud ijtihad?**

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ia	56	56	68	68
2	Tidak	9	9	6	6
3	Ragu-ragu	35	35	26	26
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden sama ada dari kalangan NU mahupun daripada kalangan Muhammadiyah mengetahui maksud daripada ijtihad dengan memilih jawapan no 1, iaitu seramai 56 orang (56%) dari pada kalangan NU dan 68 orang (68%) daripada kalangan Muhammadiyah. Masing-masing Seramai 9 orang (9%) orang dan 6 orang (6%) daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 2 dan seramai 35 orang (35%) dan 26 orang (26%) dari masing-masing organisasi menyatakan ragu-ragu iaitu memilih jawapan no 3.

Jadual 3.2.2 (e) **Rasulullah juga berijtihad dalam menentukan beberapa hukum.**

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ia	47	47	60	60
2	Tidak	25	25	10	10
3	Tidak tahu	28	28	30	30
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Jadual di atas memberikan informasi, majoriti responden sama ada daripada kalangan NU dan Muhammadiyah bersetuju dengan pernyataan bahawa Rasulullah juga berjihad dalam menentukan beberapa hukum, iaitu seramai 47 orang (47%) daripada kalangan NU dan seramai 60 orang (60%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 25 orang (25%) dan 10 orang (10%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 2 iaitu tidak bersetuju dengan pernyataan di atas. Namun demikian ramai juga dari kalangan kedua-dua organisasi yang menyatakan tidak tahu tentang pernyataan di atas, iaitu 28 orang (28%) dan 30 orang (30%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah.

Jadual 3.2.2 (f) **Rasulullah mungkin salah dalam berjihad**

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ia	10	10	8	8
2	tidak	46	46	56	56
3	Tidak tahu	44	44	36	36
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Jadual di atas memberikan informasi, majoriti responden sama ada daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 2, iaitu tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa kemungkinan Rasulullah salah dalam berjihad, iaitu seramai 46 orang (46%) daripada kalangan NU dan seramai 56 orang (56%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 10 orang (10%) dan 8 orang (8%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 1 iaitu menyakini bahawa ada kemungkinan Rasulullah salah dalam berjihad. Namun demikian ramai juga dari kalangan kedua-dua organisasi yang menyatakan tidak tahu tentang pernyataan di atas,

iaitu 44 orang (44%) dan 36 orang (36%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah.

Jadual 3.2.2 (g) **Sebahagian *Sunnah* Rasulullah tidak wajib kita ikuti kerana bukan termasuk *tasyri'*.**

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ia	26	26	36	36
2	tidak	54	54	52	52
3	Tidak tahu	20	20	12	12
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual di atas, diperolehi informasi bahawa dalam kalangan masyarakat yang berfahaman NU, seramai 26 orang (26%) responden memilih jawaban no 1, manakala seramai 54 orang (54%) memilih jawaban no 2 dan seramai 20 orang (20%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

Adapun penduduk Lampung yang terlibat soalselidik yang berfahaman Muhammadiyah, seramai 36 orang (36%) memilih jawaban no 1, seramai 52 orang (52%) memilih jawaban no 2, dan seramai 12 orang (12%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

Dari perbincangan di atas dapat diperolehi informasi bahawa majoriti responden dari kedua-dua organisasi belum mengetahui pengertian *al-Sunnah* yang sebenar, iaitu 32 orang (32%) daripada Muhammadiyah dan 24 orang (24%) daripada NU, manakalah kefahaman responden dari kalangan NU tentang pengertian *al-Sunnah* yang sesuai dengan penegertian para ahli Usul (*usūliyyūn*), sedikit lebih baik daripada kefahaman responden dari kalangan Muhammadiyah iaitu 26 orang (45%) dari kalangan NU berbanding 18 orang (24.65%) daripada kalangan Muhammadiyah.

Jadual 3.2.2 (h) kefahaman terhadap *al-Sunnah* boleh menjadi sebab perbezaan dalam amalan ibadah.

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		Kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	43	43	51	51
2	Tidak	44	44	38	38
3	Tidak tahu	23	23	11	11
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Dari jadual di atas dapat di kemukakan bahawa seramai 43 orang (43%) di kalangan masyarakat yang berfahaman NU memilih jawaban no 1. Di samping itu majoriti dari mereka iaitu seramai 44 orang (44%) memilih jawaban no 2 dan seramai 23 orang (23%) memilih jawaban no 3. Adapun penduduk Lampung yang terlibat soalselidik yang berfahaman Muhammadiyah, majoriti mereka iaitu seramai 51 orang (51%) memilih jawaban no 1. Manakala seramai 38 orang (38%) memilih jawaban no 2, dan seramai 11 orang (11%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

Dari perbincangan di atas dapat diketahui bahawa majoriti responden daripada Muhammadiyah dan NU meyakini bahawa kefahaman terhadap *Sunnah* boleh menjadi sebab perbezaan dalam amalan ibadah.

Jadual 3.2.2 (i) Seorang khatib Jum'at wajib memegang tongkat ketika berkhotbah

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		Kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	23	23	11	11
2	tidak	65	65	71	71
3	Tidak tahu	22	22	18	18
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Jadual di atas memberikan informasi bahawa majoriti responden sama ada daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 2, iaitu tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa seorang khatib Jum'at wajib memegang tongkat ketika berkhotbah, seramai 65 orang (65%) daripada kalangan NU dan 71 orang (71%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 23 orang (23%) dan 11 orang (11%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 1. Namun demikian seramai 22 orang (22%) dan 18 orang (18%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah yang menyatakan tidak mempunyai pengetahuan tentang pernyataan di atas.

3.2.3 Latar Belakang Organisasi Keagamaan

Untuk mengetahui latar belakang organisasi keagamaan responden, pengkaji telah menghubungkannya dengan item-item iaitu alasan mereka mengikut suatu organisasi, apakah kerana kefahaman atau kerana faktor keturunan?. Begitu juga pengkaji menganalisa dari beberapa amalan-amalan yang menbezakan antara pengikut kepada NU dan Muhammadiyah yang mereka lakukan seperti tahlil arwah, qunut subuh dan berdoa selepas solat.

Jadual 3.2.3 (a) Mengikuti organisasi kerana faham

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	49	49	45	45
2	tidak	26	26	37	37
3	Tidak tahu	25	25	18	18
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Dari jadual di atas dapat dikemukakan bahawa majoriti responden sama ada daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 1, iaitu mereka mengikuti organisasi tersebut kerana faham, seramai 49 orang (49%) daripada kalangan NU dan seramai 45 orang (45%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 26 orang (26%) dan 37 orang (37%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 2. Namun demikian seramai 25 orang (25%) dan 18 orang (18%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah yang menyatakan tidak tahu.

Jadual 3.2.3 (b) Mengikuti organisasi kerana faktor keturunan

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	27	27	27	27
2	tidak	54	54	53	53
3	Tidak tahu	19	19	20	20
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Jadual di atas memberikan informasi bahawa majoriti responden sama ada daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 2, iaitu bahawa mereka mengikut organisasi tersebut bukan kerana faktor keturunan iaitu seramai 54 orang (54%) daripada kalangan NU dan seramai 53 orang (53%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 27 orang (27%) dan 27 orang (27%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawapan no 1. dan seramai 19 orang (19%) dan 20 orang (20%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawaban no 3.

Jadual 3.2.3 (c) Pernah melakukan tahlilan

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	83	83	56	56
2	Tidak	12	12	27	27
3	Tidak tahu	5	5	17	17
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Dari jadual di atas dapat dikemukakan bahawa majoriti responden samada daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawaban no 1, iaitu mereka pernah melakukan tahlilan, seramai 83 orang (83%) daripada kalangan NU dan seramai 56 orang (56%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 12 orang (12%) dan 27 orang (27%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawaban no 2, dan seramai 5 orang (5%) dan 17 orang (17%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah yang memilih jawaban no 3, iaitu menyatakan tidak mengetahui sama ada pernah melakukan tahlilan atau tidak.

Jadual 3.2.3 (d) setuju dengan ritual tahlilan

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	49	49	22	22
2	tidak	12	12	15	15
3	Tidak tahu	39	39	63	63
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual di atas, diperolehi informasi bahawa majoriti responden yang berfahaman NU iaitu seramai 49 orang (49%) responden memilih jawaban no 1 iaitu setuju dengan ritual tahlil, manakala seramai 12 orang (12%) memilih jawaban no 2, namun demikian seramai 39 orang (39%) memilih jawaban no 3.

Adapun penduduk kampung yang terlibat soal selidik yang berfahaman Muhamadiyah, majoriti mereka iaitu seramai 63 orang (63%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu. Manakala seramai 22 orang (22%) memilih jawaban no 1, dan seramai 15 orang (15%) memilih jawaban no 2 iaitu tidak setuju.

Jadual 3.2.3 (e) Alasan ikut melakukan tahlil untuk menghormati keluarga mayyit

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	30	30	26	26
2	Tidak	39	39	23	23
3	Tidak tahu	31	31	51	51
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Jadual di atas, menyatakan bahawa majoriti responden yang berfahaman NU iaitu seramai 39 orang (39%) responden memilih jawaban no 2 iaitu tidak setuju dengan alasan orang melakukan tahlil untuk menghormati keluarga si mayyit, manakala seramai 30 orang (30%) memilih jawaban no 1, namun demikian seramai 31 orang (31%) memilih jawaban no 3.

Adapun responden yang berfahaman Muhamadiyah, majoriti mereka iaitu seramai 51 orang (51%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu. Manakala seramai 26 orang (26%) memilih jawaban no 1, dan seramai 23 orang (23%) memilih jawaban no 2 iaitu tidak setuju.

Jadual 3.2.3 (f) Amalan Tahlil adalah bid'ah

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	20	20	78	78
2	tidak	28	28	11	11
3	Tidak tahu	52	52	11	11
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber: Soal Selidik 2008

Dari jadual di atas dapat dikemukakan bahawa seramai 20 orang (20%) di kalangan masyarakat yang berfahaman NU memilih jawaban no 1, serta seramai 28 orang (28%) memilih jawaban no 2 dan majoriti dari mereka 52 (52%) memilih jawaban no 3. Adapun penduduk Lampung yang terlibat soalselidik yang berfahaman Muhamadiyah, majoriti mereka iaitu seramai 78 orang (78%) memilih jawaban no 1 iaitu setuju dengan pernyataan bahawa amalan tahlil adalah bid'ah, kemudian seramai 11 orang (11%) memilih jawaban no 2, dan seramai 11 orang (11%) juga memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

Jadual 3.2.3 (g) **Hukum *qunut* subuh adalah *mandub* (*sunnah*)**

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	71	71	64	64
2	tidak	18	18	26	26
3	Tidak tahu	11	11	10	10
	Jumlah	57	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Jadual di atas memberikan informasi bahawa majoriti responden sama ada daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawaban no 1, bahawa hukum qunut subuh adalah mandub (*sunnah*) iaitu seramai 71 orang (71%) daripada kalangan NU dan seramai 64 orang (64%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 18 orang (18%) dan 26 orang (26%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawaban no 2 iaitu menyatakan bahawa hal tersebut hukumnya bukan mandub dan seramai 11 orang (11%) dan 10 orang (10%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

Jadual 3.2.3 (h) **Doa setelah salat bukan termasuk *sunnah***

No	Alternatif Jawaban	NU		Muhammadiyah	
		kekerapan	peratus	kekerapan	Peratus
1	Ya	33	33	59	59
2	tidak	42	42	19	19
3	Tidak tahu	25	25	22	22
	Jumlah	100	100	100	100

Sumber:Soal Selidik 2008

Dari jadual di atas dapat dikemukakan bahawa majoriti daripada kalangan masyarakat yang berfahaman NU 42 orang (42%) memilih jawaban no 2, iaitu tidak setuju dengan pernyataan bahawa doa setelah solat bukan termasuk *Sunnah*. Dan seramai 33 orang (33%) memilih jawaban no 1, sedangkan 25 orang (25%) memilih jawaban no 3. Adapun penduduk Lampung yang terlibat soalselidik yang berfahaman Muhamadiyah, majoriti mereka iaitu seramai 59 orang (59%) memilih jawaban no 1 iaitu setuju dengan pernyataan bahawa doa setelah solat bukan termasuk *Sunnah*, kemudian seramai 29 orang (19%) memilih jawaban no 2, dan seramai 22 orang (22%) memilih jawaban no 3 iaitu tidak tahu.

3.2.4 Implikasi perbezaan kefahaman

Bagi menganalisis dan menjelaskan tentang implikasi daripada fahaman terhadap pembahagian *Sunnah* terhadap amalan Ibadah dan kehidupan sosial masyarakat, penulis telah menghubungkannya dengan item-item ubudiyah dan kesan sosial masyarakat seperti; ketaatan kepada Imam (dalam solat) yang berbeza tata cara amalan ibadah pada waktu solat, silaturahmi, implikasi perbezaan tata cara amalan ibadah dan parti politik, dan beberapa contoh daripada kefahaman terhadap *sunnah tasyrī'yyah* dan yang bukan *tasyrī'yyah*.

Untuk mengetahui Implikasi perbezaan kefahaman kerkenaan hal di atas, sebanyak 6 soalan telah dikemukakan. Jadual di bawah ini menunjukkan keputusan analisis secara menyeluruh bagi 6 soalan berkaitan dengan item-item implikasi daripada fahaman terhadap pembahagian *Sunnah* terhadap amalah Ibadah dan kehidupan sosial masyarakat yang dikemukakan ke atas sejumlah penduduk Provinsi Lampung di seramai 200 orang.

Jadual 3.2.4 (a) Responden yang berkefahaman NU

No	Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju	Ragu-Ragu	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Peratus
1	Saya tidak mau solat di belakang imam yang tidak sefahaman dengan saya, misalnya saya membaca do'a qunut di solat subuh tapi imam tidak membaca, atau sebaliknya?	11 11%	21 21%	12 12%	35 35%	21 21%	100 100%
2	Saya akan tetap mengunjungi dan mendoakan kebaikan apabilah orang yang berbeza dalam tata cara ibadah salat (seperti qunut dan anda tidak qunut) dalam keadaan sakit.	37 37%	58 58%	2 2%	3 3%		100 100%
3	Perbezaan partai lebih besar mempengaruhi pola hubungan sesama umat islam daripada perbedaan tata cara beribadah	7 7%	26 26%	32 32%	28 28%	7 7%	100 100%
4	Saya tidak bisa berbaik-baik dengan orang yang berbeza tata cara ibadah dengan saya		5 5%	1 1%	75 75%	19 19%	100 100%
5	Memakai pakaian di bawah mata kaki (isbal) bagi laki-laki adalah haram	3 3%	16 15%	32 32%	44 44%	5 5%	100 100%
6	Penutup kepala (peci, sorban, dll) merupakan <i>sunnah</i> Rasul yang harus dilakukan ketika solat	26 26%	48 48%	12 12%	12 12%	2 2%	100 100%

Sumber: Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual 4.4 di atas dapatan soal selidik menjelaskan sebagai berikut :

a.) Pada pernyataan (1) berbunyi, Saya tidak mau solat di belakang imam yang tidak sefaham dengan saya, Misalnya saya membaca do'a qunut di solat subuh tapi imam tidak membaca, atau sebaliknya, iaitu seramai 21 orang (21%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 35 orang (35%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 56 orang (56%).

b.) Pada pernyataan (2), sebahagian besar responden berpendapat bahawa mereka akan tetap mengunjungi dan mendoakan kebaikan apabila orang yang berbeza dalam tata cara ibadah solat (seperti qunut dan anda tidak qunut) dalam keadaan sakit, iaitu seramai 37 orang (37%) menyatakan sangat setuju, manakala seramai 58 orang (58%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 95 orang (95%).

c.) Pada pernyataan (3), sebahagian besar responden berpendapat bahawa perbezaan partai politik lebih besar mempengaruhi pola hubungan sesama umat Islam daripada perbezaan tata cara beribadah, iaitu seramai 7 orang (7%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 28 orang (28%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 35 orang (35%). Adapun responden yang menyatakan sangat setuju seramai 7 orang (7%), seramai 26 orang (26%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 33 orang (33%). adapun responden yang masih ragu-ragu seramai 31 orang (31%)

d.) Pada pernyataan (4), sebahagian besar responden berpendapat bahawa tidak boleh berbaik-baik dengan orang yang berbeza tata cara ibadah dengan mereka, iaitu seramai 19

orang (19%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 75 orang (75%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 94 orang (94%).

e.) Pada pernyataan (5), sebahagian besar responden berpendapat bahawa memakai pakaian di bawah mata kaki (*isbal*) bagi laki-laki adalah haram, iaitu seramai 3 orang (3%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 25 orang (25%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 28 orang (28%). Adapun responden yang menyatakan sangat setuju seramai 2 orang (2%), manakala seramai 9 orang (9%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 11 orang (11%). adapun responden yang masih ragu-ragu seramai 18 orang (18%)

f.) Pada pernyataan (6), sebahagian besar responden berpendapat bahawa penutup kepala (peci atau sorban, dll) merupakan *Sunnah* Rasul yang mesti dilakukan ketika solat, iaitu seramai 15 orang (15%) menyatakan sangat setuju, manakala seramai 27 orang (27%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 42 orang (42%).

Jadual 3.2.4 (b) Responden yang berkefahaman Muhammadiyah

No	Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju	Ragu-Ragu	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju	Peratus
1	Saya tidak mau solat di belakang imam yang tidak sefaham dengan saya, misalnya saya membaca do'a qunut disolat subuh tapi imam tidak membaca, atau sebaliknya?	1 1 %	10 10%	11 11%	55 55%	23 23%	100 100%
2	Saya akan tetap mengunjungi dan mendoakan kebaikan apabila orang yang berbeza dalam tata cara ibadah solat (seperti qunut dan anda tidak qunut) dalam keadaan sakit.	41 41%	49 49%	6 6%	3 3%	1 1%	100 100%

3	Perbezaan partai lebih besar mempengaruhi pola hubungan sesama umat Islam daripada perbezaan tata cara beribadah	4 4%	23 23 %	39 39%	23 23%	11 11%	100 100%
4	Saya tidak bisa berbaik-baik dengan orang yang berbeda tata cara ibadah dengan saya	3 3%	7 7%	16 16%	51 51%	23 23%	100 100%
5	Memakai pakaian di bawah mata kaki (<i>isbal</i>) bagi laki-laki adalah haram	11 11%	15 15%	38 38%	25 25%	11 11%	100 100%
6	Penutup kepala (peci, sorban, dll) merupakan <i>sunnah</i> Rasul yang wajib dilakukan ketika solat	14 14%	38 38%	22 22%	23 23%	3 3%	100 100%

Sumber: Soal Selidik 2008

Berdasarkan jadual 3. 2. 4 (b) di atas dapatan soalanselidik menjelaskan sebagai berikut:

a.) Pada pernyataan (1) berbunyi, Saya tidak mau solat di belakang imam yang tidak sefaham dengan saya, misalnya saya membaca do'a qunut pada solat subuh tapi imam tidak membaca, atau sebaliknya, iaitu seramai 23 orang (23%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 55 orang (55%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 78 orang (78%).

b.) Pada pernyataan (2), Sebahagian besar responden berpendapat bahawa mereka akan tetap mengunjungi dan mendoakan kebaikan apabila orang yang berbeza dalam tata cara ibadah solat (seperti qunut dan anda tidak qunut) dalam keadaan sakit, iaitu seramai 41 orang (41%) menyatakan sangat setuju, manakala seramai 49 orang (49%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 90 orang (90%).

c.) Pada pernyataan (3), Sebahagian besar responden berpendapat bahawa perbezaan partai politik lebih besar mempengaruhi pola hubungan sesama umat Islam daripada perbezaan tata cara beribadah, iaitu seramai 4 orang (4%) menyatakan sangat setuju, manakala seramai 23 orang (23%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 27 orang (27%). Adapun responden yang menyatakan sangat tidak setuju seramai 11 orang (11%), manakala seramai 23 orang (23%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 34 orang (34%). adapun responden yang masih ragu-ragu seramai 39 orang (39%)

d.) Pada pernyataan (4), Sebahagian besar responden berpendapat bahawa tidak boleh berbaik-baik dengan orang yang berbeza tata cara ibadah dengan mereka, iaitu seramai 23 orang (23%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 51 orang (51%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 74 orang (74%).

e.) Pada pernyataan (5), Sebahagian responden berpendapat bahawa memakai pakaian di bawah mata kaki (*isbal*) bagi laki-laki adalah haram, iaitu seramai 11 orang (11%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 25 orang (25%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 36 orang (36%). Adapun responden yang menyatakan sangat setuju seramai 11 orang (11%), manakala seramai 15 orang (15%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 26 orang (26%). adapun responden yang masih ragu-ragu seramai 38 orang (38%)

f.) Pada pernyataan (6), Sebahagian besar responden berpendapat bahawa penutup kepala (peci, sorban, dll) merupakan *Sunnah* Rasul yang harus dilakukan ketika solat, iaitu

seramai 14 orang (14%) menyatakan sangat setuju, manakala seramai 38 orang (38%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 52 orang (52%). Adapun responden yang menyatakan sangat setuju seramai 3 orang (3%), manakala seramai 23 orang (23%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 26 orang (26%). adapun responden yang masih ragu-ragu seramai 22 orang (22%).

3.3 Kefahaman Terhadap *al-Sunnah*

Kajian ini menunjukkan kefahaman masyarakat Muslim daripada kalangan NU dan Muhammadiyah di Provinsi Lampung terhadap pengertian *al-Sunnah* dan pembahagiannya kepada *tasyri'iyah* dan *ghayr tasyri'iyah*, kefahaman tentang makna ijtihad, ijtihad Rasulullah dan kemungkinan beliau salah dalam berijtihad, serta *Sunnah* sebagai sumber asasi dalam hukum Islam.

Untuk lebih jelas mengenai pemahaman mereka terhadap *Sunnah*, berikut ini akan didiskripsikan dalam bentuk huraian holistik yang didasarkan kepada hasil penyelidikan yang dilakukan.

Masyarakat Muslim yang ada di provinsi Lampung, sama ada yang berfahaman NU mahupun Muhammadiyah majoriti mereka iaitu seramai 114 orang 57% (rujuk jadual 3.2.2 (a) memahami makna daripada *al-Sunnah* sama ada pengertian menurut yang mereka fahami ada yang sesuai dengan pengertian *al-Sunnah* menurut ahli fiqh iaitu; diberi pahala orang yang melakukannya dan tidak dihukum orang yang meninggalkannya, ataupun pengertian *al-Sunnah* menurut ahli *usul Fiqh* iaitu; Apa sahaja yang berasal daripada Nabi

berupa perkataan, perbuatan, dan persetujuannya yang mengandung implikasi salah satu daripada hukum yang lima, iaitu *wajib*, *mandūb*, *mubāh*, *harām* dan *makrūh*.

Selain itu seramai 86 orang (43%) dari kedua-dua organisasi ini mengaku tidak mengetahui langsung maksud daripada *al-sunnah*. Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan agama di kalangan mereka masih rendah.

3.3.1 Pembahagian *al-Sunnah* Terhadap *Tasyrī'iyah* dan *Ghayr Tasyrī'iyah*

Dalam konteks ini, mengenai kefahaman mereka terhadap pembahagian *al-Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah*, maka masyarakat yang berlatar belakang NU sedikit lebih baik pemahaman mereka berbanding daripada kefahaman masyarakat yang berlatar belakang Muhammadiyah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 3.2.2 (b), walaupun pengkaji melihat hal tersebut hanya sebuah kebetulan sahaja. Tetapi yang sangat disayangkan ialah majoriti mereka iaitu (74%) darikalangan NU dan (83%) daripada kalangan Muhammadiyah belum mengetahui tentang adanya istilah dan pembahagian *al-Sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah*. Bahkan majoriti responden darikalangan NU iaitu 54 orang (54%) dan 52 orang (52%) daripada kalangan Muhammadiyah memandang bahawa semua yang berasal daripada Rasulullah mesti dilakukan kerana merupakan *tasyrī'* sebagaimana yang tercantum dalam Jadual 3.2.2 (g) hal ini selaras dengan pandangan daripada KH Nurvaif Chaniago pimpinan wilayah Muhammadiyah provinsi Lampung yang menyatakan bahawa semua *Sunnah* merupakan *tasyrī'* walaupun beliau mengakui bahawa ada daripada sebahagian *Sunnah* tersebut yang tidak selalu di gunapakai (bukan bersifat *mulzim* dan *dā'im*) dan ada beberapa *Sunnah* yang

berlaku apabila terdapat *illah* yang menyebabkan ia berlaku, ini juga selaras dengan pandangan Dr Bunyana Sholihin selaku pengetua Majlis Tarjih Muhammadiyah wilayah Lampung.¹

Adapun ketika ditanyakan tentang hukum kemestian memegang tongkat bagi seorang khatib pada masa memberikan khutbah maka majoriti daripada responden sama ada daripada NU (65%) mahupun Muhammadiyah (71%) tidak bersetuju bahawa hal tersebut merupakan sebuah kewajiban dan syarat berlakunya khutbah, walaupun dalam beberapa hadis diceritakan bahawa Rasulullah berkhutbah dengan memegang tongkat pada tangan kirinya ataupun bersandar pada busur panah tetapi amalan tersebut tidak menunjukkan hukum wajib. Ini selari dengan pendapat daripada mazhab al-Syāfi'i sebagaimana dijelaskan oleh beliau di dalam kitab al-Umm:

قَالَ الشَّافِعِيُّ رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى بَلَّغْنَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا
خَطَبَ اعْتَمَدَ عَلَى عَصَى. وَقَدْ قِيلَ خَطَبَ مُعْتَمِدًا عَلَى عُنْزَةٍ وَعَلَى قَوْسٍ وَكُلُّ
ذَلِكَ اعْتِمَادًا. أَخْبَرَنَا الرَّبِيعُ قَالَ أَخْبَرَنَا الشَّافِعِيُّ قَالَ أَخْبَرَنَا إِبْرَاهِيمُ عَنْ لَيْثٍ
عَنْ عَطَاءٍ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَطَبَ يَعْتَمِدُ عَلَى عُنْزَتِهِ
اعْتِمَادًا

Yang maksudnya:

“Imam Syāfi’i berkata: Telah sampai kepada kami (berita) bahwa ketika Rasulullah s.a.w. berkhuthbah, beliau berpegang pada tongkat. Ada yang mengatakan, beliau berkhutbah dengan memegang tongkat pendek dan anak panah. Semua benda-benda itu dijadikan tempat bertumpu (pegangan). Al-Rabi' mengabarkan dari Imam Syāfi’i dari Ibrāhīm, dari

¹ Temu bual dengan KH Nurvaif chaniago di office Muhammadiyah wilayah Lampung tarikh 30 april 2007, temu bual dengan DR Bunyana sholihin di Fakultas Syariah IAIN Raden Intan Lampung tarikh 02 Mei 2007

Laits dari 'Aṭa', bahwa Rasulullah s.a.w. jika berkhotbah memegang tongkat pendeknya untuk dijadikan pegangan".²

عَنْ شُعَيْبِ بْنِ زُرَيْقِ الطَّائِفِيِّ قَالَ شَهِدْنَا فِيهَا الْجُمُعَةَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَامَ مُتَوَكِّئًا عَلَى عَصَا أَوْ قَوْسٍ

Yang maknanya:

"Dari Syu'aib bin Zuraiq al-Ṭā'ifi ia berkata "Kami menghadiri salat jum'at pada suatu tempat bersama Rasulullah SAW. Maka Beliau berdiri berpegangan pada sebuah tongkat atau busur".³

Al-Ṣan'ānī mengomentari hadis tersebut bahwa hadis itu menjelaskan tentang sunnahnya khatib memegang pedang atau semacamnya pada waktu menyampaikan khutbahnya.⁴

Adapun hikmah dianjurkannya memegang tongkat menurut H.M.Cholil Nafis, MA.wakil ketua Lembaga Bahth Masa'il (LBM) PBNU, selain mengikut cara Rasulullah s.a.w. juga agar khatib lebih fokus (*khusyu'*) dalam membaca khutbah untuk mengikat hati dan agar tidak memperlakukan tangannya⁵ sebagaimana yang dikatakan oleh imam Ghazālī dalam *Ihyā' Ulūm al-Dīn*:

فَإِذَا فَرَغَ الْمُؤَدِّنُ قَامَ مُقْبِلًا عَلَى النَّاسِ بِوَجْهِهِ لَا يَلْتَفِتُ يَمِينًا وَلَا شِمَالًا وَيُشْغَلُ
يَدَيْهِ بِقَائِمِ السَّيْفِ أَوْ الْعُنْزَةِ وَالْمَنْبَرِ كَمَا لَا يَعْثَبُ بِهِمَا أَوْ يَضَعُ إِحْدَاهُمَا عَلَى
الْآخَرِ

Artinya:

² Muḥammad bin Idrīs Syāfi'ī(1422/2001), *Op.cit*, h. 272

³ Abū Dāwud (1978), *Op.cit*, Ḥadīth no: 924, j. 3, h. 298.

⁴ Muḥammad bin Ismā'il al-Amir al-Ṣan'ānī (1960), *Subul al-Salām*, Maktabah al-Babī al-Halbī, juz II, hal 59

⁵ <http://www.nu.or.id/page.php> 02 juni 2009

Apabila muadzin telah selesai (adzan), maka khatib berdiri menghadap jama' ah dengan wajahnya. Tidak boleh menoleh ke kanan dan ke kiri. Dan kedua tangannya memegang pedang yang ditegakkan atau tongkat pendek serta (tangan yang satunya memegang) mimbar. Supaya dia tidak mempermainkan kedua tangannya. (kalau tidak begitu) atau dia menyatukan tangan yang satu dengan yang lain"⁶.

Pendapat ini selari dengan pendapat para *uṣūliyyūn* bahawa *Sunnah* yang dilakukan oleh Rasulullah tidak selalu menunjukkan bahawa hal tersebut menjadi wajib, tetapi dilihat kepada *illah* dan matlamat dari perbuatan tersebut. Sebagaimana dalam beberapa hadis menerangkan bahawa Rasulullah beristinja' dengan batu, atau berwudu' dengan satu gayung air, atau mandi dengan beberapa cupa air, itu bukanlah untuk kita ikuti secara leterlak, tetapi kita mesti melihat kepada kondisi Rasulullah pada masa itu.

Ini menunjukkan bahawa belum sampainya maklumat dan ilmu yang sebenar kepada masyarakat muslim sama ada yang berasal dari NU ataupun Muhammadiyah, pengkaji melihat bahawa pentingnya peran para ulamak dan cendekiawan Muslim untuk menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Muslim sehingga mereka dapat memahami Islam dengan sebenar.

3.3.2. Kefahaman Tentang Makna Ijtihād, Kemungkinan Rasulullah Berijtihad dan Kemungkinan Beliau Salah Dalam Berijtihad

Majoriti masyarakat Lampung sama ada yang berpahaman NU mahupun Muhammadiyah yang menyatakan memahami maksud daripada ijtihad iaitu seramai 56% daripada responden NU dan 68% daripada responden Muhammadiyah. Mereka menyatakan

⁶ Muḥammad Bin Muḥammad Abū Hamid al-Ghazālī (2003), *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 1, h. 180

bahawa ijtihad ialah “ mencurahkan seluruh kemampuan untuk menggali hukum-hukum syariat dari dalil-dalil *ẓanni* hingga batas tidak ada lagi kemampuan melakukan usaha lebih dari apa yang telah dilakukan”. Di samping itu pula seramai 35 orang dari pada NU dan 26 orang daripada Muhammadiyah menyatakan langsung tidak mengetahui maksud daripada ijtihad. Memandang hal tersebut dapat diketahui bahawa pemahaman warga Muhammadiyah yang berada di Provinsi Lampung lebih baik bila berbanding dengan pemahaman warga NU, ini boleh terjadi kerana organisasi Muhammadiyah memang membiasakan warganya untuk tidak taklid begitu sahaja, tetapi mesti melihat kepada dalil. Sedangkan dalam tradisi dan kebiasaan NU, ialah mengikut kepada pendapat ulamak-ulamak *Ahl al-Sunnah* yang terdapat dalam rujukan-rujukan atau kitab-kitab yang *mu'tabar*.⁷

Selanjutnya, majoriti responden yang berasal daripada NU dan Muhammadiyah berpendapat bahawa Rasulullah juga berijtihad dalam menentukan beberapa hukum yang berhubung kait dengan sesuatu yang tidak ada nasnya.

Permasalahan ini adalah ikhtilaf di kalangan para ulamak tentang ijtihad Nabi Muhammad s.a.w. terhadap sesuatu yang tidak ada nas hukumnya dari Allah s.w.t. Sebahagian ulamak Asy'ariyah dan kebanyakan ulamak Mu'tazilah⁸ berpendapat bahawa Nabi Muhammad s.a.w. tidak boleh melakukan ijtihad terhadap sesuatu yang tidak ada ketentuan nas, yang berhubungan tentang amalan halal dan haram sedangkan ulama usul seperti Abu Yusuf al-Hanafī dan al-Syāfi'ī membolehkannya. Sebahagian Sahabat al-

⁷ Nalar islam nusantara h 385

⁸ Muḥammad al-Khudhari (2001), *Usūl al-Fiqh*, Kaheerah: Dār al-Ḥadīth, Cet. 1, h. 362

Syāfi'ī, al-Qāḍī 'Abd al-Jabar, dan Abu Hasan al-Basri berpendapat bahawa Nabi Muhammad s.a.w. melakukan ijtihad dalam perang bukan dalam bidang hukum.⁹

Menurut sebahagian ulamak pula, Nabi Muhammad s.a.w. tidak berijtihad sebab perkataan, perbuatan, dan ketetapanya adalah *al-Sunnah* karena ini sumber hukum Islam kedua setelah al-Qur'an dan Rasulullah s.a.w. tidak patut berijtihad, sama ada ditinjau secara syar'i ataupun aqli. Apabilah ditinjau secara syar'i, banyak ayat-ayat al-Qur'an secara jelas menunjukkan bahawa semua ucapan, peringatan dan apa yang beliau lakukan tidak lain hanyalah bersumber dari wahyu sebagaimana firman Allah s.w.t:

وما ينطق عن الهوي . ان هو الا وحي يوحى

Maksudnya:

Dan tiadalah yang diucapkannya itu menurut kemauan hawa nafsunya; ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Al-Quran, surah al-Najm (53): 3 – 4.

قُلْ إِنَّمَا أُنذِرُكُمْ بِالْوَحْيِ

Maksudnya:

"Katakanlah Muhammad aku hanya memberi peringatan kepadamu dengan al wahyu"

al-Quran, surah al-Anbiya' (21): 45

إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ

Maksudnya:

"Aku tidak mengikuti kecuali apa yang diwahyukan kepadaku"

al-Quran, Surah Yūnus (10): 15

⁹ *Ibid*

Sedangkan ditinjau secara *aqli* dapat dipastikan, bahawa Rasul s.a.w. tidak pernah melakukan ijtihad, kerana Beliau s.a.w. sering menunggu turunnya wahyu dalam menentukan sejumlah besar masalah hukum, disaat munculnya keperluan yang mendesak untuk menjelaskan atau menentukan hukum Allah. Jika memang beliau diizinkan untuk berijtihad, mengapa beliau menangguhkan satu keputusan hukum (sampai turunnya wahyu). Boleh sahaja beliau berijtihad sendiri. Tindakan beliau (yang terbukti kebenarannya) menangguhkan suatu keputusan hukum sampai turunnya wahyu, menunjukkan bahawa beliau tidak diizinkan melakukan ijtihad. Dan memang beliau tidak pernah melakukannya. Selain itu, Rasulullah s.a.w. adalah orang yang wajib dijadikan teladan mutlak. Jika beliau melakukan ijtihad, bererti memungkinan terjadinya suatu kesalahan pada diri beliau. Andaikan beliau salah dalam ijtihad, sementara kita diwajibkan mengikutinya, bererti kita diwajibkan mengikuti kesalahan. Kemungkinan yang demikian ini adalah sesuatu yang batil (mustahil). Memberikan peluang terjadinya kesalahan pada diri Rasulullah s.a.w. (dengan menganggapnya sebagai seorang mujtahid), juga bertentangan dengan hakikat risalah dan kenabian itu sendiri. Sebab, pengakuan terhadap risalah (Islam dan kenabian), mewajibkan tidak bolehnya terjadi kesalahan pada diri Rasul dan Nabi, dan mustahil terjadi kesalahan dalam masalah tablīgh (penyampaian dari Allah melalui Rasul).

Dari pembahasan di atas maka Rasulullah s.a.w. tidak patut bertindak sebagai seorang mujtahid sama sekali. Seluruh ucapan, perbuatan dan diamnya beliau semata-mata adalah wahyu dari Allah.

Juga tidak boleh mengatakan bahawa Allah s.w.t. akan membiarkan beliau melakukan kesalahan, dan bahawasanya Allah s.w.t. akan segera menjelaskan kesalahan (ijtihad) Rasul. Sebab, kesalahan dalam ijtihad, jika itu berasal dari Rasulullah s.a.w. maka ia menjadi kewajiban ke atas kaum muslimin untuk mengikutinya, sampai datangnya penjelasan (pembetulan). Penjelasan itulah yang akan menetapkan hukum yang baru yang berbeza dengan hukum sebelumnya, di mana kaum Muslimin diperintahkan mengikutinya dan meninggalkan hukum pertama. Ini adalah pendapat yang batil. Tidak pantas hal itu (relativiti hukum) ada pada Allah atau pada diri Rasulullah s.a.w.

Adapun kemungkinan Rasulullah salah dalam berijtihad, maka majoriti responden sama ada dari NU mahupun dari Muhammadiyah menyatakan bahawa Rasulullah tidak mungkin salah dalam berijtihad iaitu seramai 47 orang (47%) daripada kalangan NU dan seramai 60 orang (60%) daripada kalangan Muhammadiyah. Manakala 25 orang (25%) dan 10 orang (10%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah menyatakan bahawa ada kemungkinan bagi Rasulullah salah dalam berijtihad. Hal ini sebagaimana dikatakan oleh sebahagian para ulamak bahawa Rasulullah tidak terbebas 100% dari kesalahan yang bersifat manusiawi, sebagaimana beberapa fakta dari sirah nabawiyah telah dengan tegas menampilkan beberapa kekurangan tepatan beliau dalam memandang suatu masalah.

1. Contoh Pertama

Rasulullah s.a.w. seringkali mengadakan syura dengan para Sahabat. Dan seringkali beliau mempunyai pendapat yang tidak sama dengan mereka dan bahkan pendapat mereka lebih baik daripada pendapat Rasulullah. Kalau sendainya beliau selalu benar dalam semua

masalah, maka tidak akan pernah ada syura dengan para Sahabat. Padahal banyak terdapat riwayat yang menyebutkan bahawa beliau s.a.w. melakukan syura. Syura ini tentu bukan lakonan, melainkan Rasulullah s.a.w. sebagai pemimpin memang nyata memerlukan informasi dan masukan pendapat dari para Sahabatnya. Bahkan bukan hanya sekali sahaja beliau tidak tepat ketika menghitung strategi sebagaimana pendapat beliau dalam memilih posisi pasukan dalam perang Badar yang kurang tepat, sehingga idea beliau langsung dikritik oleh seorang Sahabat. Dan kenyataan di lapangan menunjukkan bahawa masukan dari Sahabatnya itu sangat ampuh dan efektif dalam strategi perang. Sebab pasukan kafir jadi tidak punya persediaan air, mereka mati kehausan akibat idea untuk menguasai sumur-sumur Badar. Padahal sebelumnya Rasulullah s.a.w. sudah menetapkan tempat lain.¹⁰

2. Contoh Kedua

Bukankah pendapat beliau ketika menolak *talqīh* (pendebungaan pokok kurma) di Madinah malah mengakibatkan kegagalan panen? Sehingga akhirnya beliau bersabda, “*Kalian lebih mengerti urusan dunia kalian*”. Ternyata sebagai orang yang lahir dan dibesarkan di Makkah yang sememangnya tidak terdapat pertanian, pengetahuan dan wawasan Rasulullah s.a.w. kalah dengan pengetahuan orang Madinah yang sememangnya sangat pandai dalam hal pertanian. Ketika Rasulullah s.a.w berpendapat tidak perlu melakukan *talqih*, ternyata para shahabat menyangka bahawa hal tersebut merupakan sebahagian dari wahyu.

¹⁰ Ṣafī al-Rahmān al-Mubārakfūrī (t.t.), *al-Raḥīq al-Makhtūm*, h. 171, al-Maktabah al-Syamīlah al-Iṣḍār al-Thani

3. Contoh Ketiga

Ketika dakwah di Makkah mendapatkan penolakan dari kaum kafir Quraisy, Rasulullah pergi ke *Tāif* untuk berdakwah dengan perkiraan bahawa mereka akan menyambut dakwahnya dengan mesrah, padahal kenyataannya beliau bukan disambut dengan baik, malahan dilempari batu. Padahal pilihan *Tāif* sebagai tujuan hijrah beliau diperkirakan akan mulus serta akan mendapatkan daerah dakwah yang baru. Tapi nyatanya, malah beliau berdarah-darah dan lari tunggang-langgang meninggalkan kota itu. Ini menunjukkan bahawa sekali lagi perhitungan strategis beliau meleset jauh dari perkiraan sebelumnya. Dan ini fakta yang tidak boleh dipungkiri. Kalau beliau 100% tidak pernah salah, seharusnya tidak perlu ada kejadian seperti ini. Sampai-sampai beliau bermunajat kepada Allah s.w.t. dengan lafaz doa yang panjang, sambil bermohon pertolongan.

4. Contoh Keempat

Bukankah Rasulullah s.a.w. juga pernah salah dalam berjihad? iaitu ketika beliau tidak melakukan *tabayyun* terhadap alasan orang-orang Munafiq yang tidak ikut dalam perang Tabuk. Beliau secara mudah begitu sahaja memberi izin kepada mereka. Sehingga Allah s.w.t. akhirnya menegurnya atas kemudahan yang beliau berikan, meski pun juga sambil memberi maaf kepadanya dengan firman-Nya:

عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لِمَ أَذِنْتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَّبِعَنَ لَكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَتَعْلَمَ الْكَاذِبِينَ

Maksudnya:

Semoga Allah mema'afkanmu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka, sebelum jelas bagimu orang-orang yang benar dan sebelum kamu ketahui orang-orang yang berdusta.

al-Qur'an Surah al-Taubah (9): 43

5. Contoh Kelima

Bukankah beliau pun salah ketika berijtihad masalah tawanan perang Badar? Dalam syura beliau lebih cenderung kepada pendapat Abū Bakar al-Şiddiq r.a. yang ingin membebaskan para tawanan, lantaran mereka masih kerabat dan keluarga. Sementara ‘Umar bin al-Khattab r.a. cenderung untuk tidak memberi rasa kasihan kepada para pemuka Qurais ini, yang selama ini memang nyata-nyata menunjukkan permusuhan. Bagi Umar r.a., mereka semua harus dibunuh sahaja. Rasulullah s.a.w. cenderung tidak menerima pendapat ‘Umar bin al-Khattab r.a. bahawa tawanan itu mesti dibunuh. Lalu Allah SWT menegur beliau dalam surat al-Anfal. Allah berfirman:

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكُونَ لَهُ أَسْرَىٰ حَتَّىٰ يُثْخِنَ فِي الْأَرْضِ تُرِيدُونَ عَرَصَ الدُّنْيَا
وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Tidak patut, bagi seorang Nabi mempunyai tawanan sebelum ia dapat melumpuhkan musuhnya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda duniawiyah sedangkan Allah menghendaki akhirat. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

al-Qur’an Surah al-Anfāl (08): 67

Akhirnya beliau sedar bahawa ijtihadnya salah dan membenarkan pendapat Sahabatnya, ‘Umar bin al-Khattab r.a..¹¹

Ikhtilaf diatas tersebut menimbulkan berbagai komentar antara lain dari ulamak Mesir, Muhammad Salam Madkur mengatakan bahwa Nabi Muhammad s.a.w. melakukan ijtihad dalam urusan keduniaan seperti ijtihad beliau dalam mengatur strategi perang. Sedangkan menurut Ibn Taimiyah dan Ibn Hazm, Ibn Khaldun dan al-Kamal ibn al-

¹¹ Muslim bin al-Hajjaj Abū al-Husayn al-Qusayrī al-Naysabūrī (t.t), *Op.cit.*, j. 9, h. 214

Humam¹² berpendapat salah satu contohnya adalah ijtihad beliau tentang panggilan dan pemberitahuan untuk melaksanakan solat. Sebahagian Sahabat menganjurkan bahawa sebaiknya menggunakan lonceng seperti lonceng Naşāra, sebagian lagi menganjurkan menggunakan terompet seperti terompet Yahudi. Kemudian ‘Umar bertanya kepada Rasulullah s.a.w. “mengapa Tuan tidak mengutus seseorang untuk mengajak solat?” Nabi Muhammad s.a.w. bersabda: “hai Bilal, berdirilah dan ajaklah solat”.¹³

Akan tetapi yang mesti difahami oleh umat Islam ialah Jika terjadi sesuatu yang menghendaki adanya pembentukan hukum yang di sebabkan karena munculnya suatu perselisihan atau masalah di antara umat Islam maka permintaan fatwanya itu kepada Rasul s.a.w kemudian beliau menfatwakannya kepada mereka berdasarkan wahyu al-Qur’an yang turun kepadanya pada masa itu. Selain itu Rasulullah juga mempunyai wewenang untuk berijtihad, namun hal ini terbatas pada masalah muamalah dan keduniaan sahaja. Adapun terhadap masalah *ubudiyah*, Rasulullah menfatwakannya berdasarkan wahyu yang diturunkan kepadanya.

Namun demikian ramai juga dari kalangan kedua-dua organisasi yang menyatakan tidak tahu tentang pernyataan di atas, iaitu 28 orang (28%) dan 30 orang (30%) masing-masing daripada kalangan NU dan Muhammadiyah.

¹² panggilannya ialah Imam Suyuṭī. Nama lengkapnya al-Hafiz Abdurrahman Ibn al-Kamal Abi Bakr bin Muḥammad bin Sabiq al-Din Ibn al-Fakhr Uthman bin Nazhir al-Din al-Hamam al-Khudairi al-Suyuti.

¹³ <http://fadliyanur.blogspot.com/>

3.3.3 Pemahaman Terhadap *al-Sunnah* Boleh Menjadi Sebab Perbezaan Dalam Beragama (tata cara ibadah)

Al-Sunnah ialah semua sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. sama ada berbentuk perkataan, perbuatan maupun persetujuan (*taqrīr*). Apabila penyandaran ini diriwayatkan oleh majoriti ulamak yang mustahil berdusta, maka ia berkualiti mutawatir, semakin rendah kualiti penyandarannya kepada Rasulullah, akan semakin rendah pula tingkat kualitinya, maka ia masuk dalam kelompok hadis masyhur dan hadis ahad. Kualiti hadis ahad diklasifikasi lagi menjadi hadis *Ṣaḥīḥ*, *hasan* dan *dā'if*. Apabila penyandaran itu terbukti bohong, riwayat tersebut termasuk *mauḍū'* atau palsu. *Al-Sunnah* juga adalah kunci pembuka dalam memahami al-Qur'an, ia merupakan pelita yang dengannya seorang muslim dapat menyingkap hakikat-hakikat al-Qur'an.

Terdapat banyak kondisi sama ada internal mahupun eksternal yang menyebabkan para mujtahid berbeza pendapat karena memegangi *al-Sunnah* sebagai dasar hukum. Ada beberapa alasan bahwa *al-Sunnah* berperan besar bagi wujudnya suatu iklim yang penuh dengan perdebatan dan perbezaan pendapat di kalangan imam mazhab.

Pertama, adanya anggapan dan pengamalan yang berbeza tentang pemberlakuan *al-Sunnah* sebagai dasar atau sumber ajaran Islam. Sebagian besar ummat Islam meyakini bahwa *al-Sunnah* merupakan sumber hukum kedua setelah al-Qur'an. Sejarah mencatat bahwa semenjak zaman Nabi (w.632 M) sampai zaman Bani Umayyah (661-750 M) belum terlihat adanya gerakan untuk menolak *al-Sunnah* sebagai hujjah dalam agama. Barulah pada awal masa dinasti Abbasiyyah (750 – 1258 M) muncul secara jelas sekelompok kecil ummat Islam yang menolak *al-Sunnah* sebagai salah satu sumber hukum

Islam. Hal ini dapat dipahami berdasarkan uraian yang dipaparkan imam al-Syāfi'ī dalam kitabnya *al-Umm*. Mereka itu oleh imam al-Syāfi'ī dibahagi dalam tiga golongan: Pertama, golongan yang menolak seluruh *al-Sunnah*, Kedua, golongan yang menolak *al-Sunnah* kecuali bila *al-Sunnah* itu memiliki kesamaan dengan petunjuk al-Qur'an, Ketiga, golongan yang menolak *al-Sunnah* yang berstatus hadis ahad, golongan ini hanya menerima *al-Sunnah* yang berstatus hadis mutawatir.

Alasan berikutnya adalah fakta bahwa hadis yang tersebar dalam berbagai karya para ulamak muhadisin memiliki derajat kualitas yang berbeza-beza. Sesungguhnya para *mukharrij* ketika meriwayatkan, menulis dan meneliti hadis, hasil penelitiannya itu bersifat *ijtihadiah*. Kesahihan sebuah hadis bersifat *zan*, karena metode verifikasi yang digunakan antara ulamak yang satu dengan ulamak yang lainnya berbeza-beza. Imam Abū Hanīfah diriwayatkan hanya mensahihkan tidak lebih dari 20 hadis saja. Sekalipun pendapat ini masyhur di kalangan ahli uşul, akan tetapi menurut Mustāfa al-Şibā'ī tuduhan itu tidak beralasan. Perbezaan alat uji kesahihan hadis, jelas berdampak secara signifikan terhadap nilai dan kualiti sebuah hadis. Oleh kerana itu memahami seluk beluk perbezaan kualiti dan kuantiti hadis adalah mutlak diperlukan bagi siapapun yang hendak berkutat dengan persoalan-persoalan di sekitar hukum Islam. Sebahagian mujtahid akan berhujjah dengan hadis yang dalam pandangannya bernilai *ṣaḥīḥ*, sementara mujtahid yang lainnya justru menggunakan hadis yang berbeza, dengan anggapan bahwa hadis tersebut juga *ṣaḥīḥ*. Hal yang demikian ini jelas berakibat pada perbezaan hasil pemikiran hukum yang mereka simpulkan dari dua *nas* yang berbeza dengan dua metode verifikasi yang berbeza pula. Sebagai contoh dalam kitab shahihnya, imām Bukhārī menggunakan dua kriteria utama untuk mengukur sebuah hadis dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* ataukah tidak. Kedua

tolok ukur tersebut adalah unsur kesezamanan (*Mu'āṣir*) dan unsur perjumpaan (*Liqā'*). Maksudnya suatu hadis baru dapat dinyatakan sebagai hadis *Ṣaḥīḥ*, jika ia dapat dibuktikan secara meyakinkan *rawi-rawi* yang terdapat pada sanad hadisnya benar-benar pernah saling bertemu serta ada hubungan guru-murid walaupun hanya sekali. Jadi, menurut imām Bukhārī tidak cukup unsur kesezamanan digunakan sebagai indikator bersambungannya sebuah sanad hadis. Hal ini berbeza dengan kriteria hadis *ṣaḥīḥ* yang dipegangi oleh imām Muslim, menurut beliau kemuttashilan hadis *ṣaḥīḥ* cukup dengan dugaan kuat, bahwa kesezamanan antara dua perawi, menjadi indikator bahawa hadis tersebut tidak gugur sanadnya. Sekalipun tanpa pernah bisa dibuktikan apakah antara kedua perawi hadis tersebut pernah saling bertemu dan saling meriwayatkan. Berdasarkan pernyataan ini, maka jumhur *muhaddisin* lebih mengunggulkan imām Bukhārī daripada imām Muslim ketika terjadi *ta'āruḍ* antara dua *mukharrij* tersebut dalam hadis-hadis *ṣaḥīḥ* yang mereka riwayatkan. Dengan demikian semakin jelaslah bahwa kesahihan sebuah hadis belum tentu dianggap *ṣaḥīḥ* pula oleh ulamak yang lain, sehingga ia enggan berdalil dengan hadis tersebut.

Ini seperti hadis *ṣaḥīḥ* tentang qunut di dalam solat subuh memang merupakan bahagian dari masalah yang diperselisihkan oleh para ulamak. Sebahagian ulamak tidak menerima dalil tentang qunut solat subuh, Bahkan ada sebahagian menyatakan bahawa hal tersebut termasuk daripada perbuatan bid'ah. Namun sebahagian lainnya tetap memandang bahwa hadis tentang qunut salat subuh itu ada dan kuat.

3. 3. 4. Kesimpulan

Kefahaman terhadap *al-Sunnah* sememangnya boleh menjadi sebab perbezaan dalam melaksanakan tata cara beribadah kerana adanya anggapan dan pengamalan yang berbeza tentang pemberlakuan *al-Sunnah* sebagai dasar atau sumber ajaran Islam dan adanya fakta bahwa hadis yang tersebar dalam pelbagai karya para ulamak muhadisin memiliki derajat kualiti yang berbeza-beza sehingga sangat memungkinkan bagi para mujtahid tersebut memiliki istinbat hukum yang berbeza pula, demikian pula perbezaan pendapat dalam masalah *ẓanniyah* sangat potensial menimbulkan perbezaan pandangan, tetapi hal ini hanya menyangkut masalah *furu'* sahaja. Jadi dalam ritual ibadah sesuai dengan dalil yang mereka pegangi.

3.4. Latar Belakang Organisasi Keagamaan

Ada beberapa hal yang menjadi alasan seseorang untuk mengikut kepada satu organisasi. Di bawah ini pengkaji mencoba untuk menganalisis alasan mereka mengikut kepada suatu organisasi keagamaan tersebut.

3.4.1. Alasan Mereka Mengikuti Organisasi Tersebut

Selain sebagai mahluk pribadi, dalam diri manusia juga melekat hakekat tanggung jawab sebagai mahluk sosial. Sebagai mahluk sosial, *sunatullah* bagi manusia bahawa satu dengan yang lain saling memerlukan, karena tidak ada seorang pun yang boleh memenuhi

keperluan hidupnya sendiri tanpa bantuan orang lain, oleh itu, manusia satu dengan yang lain saling bergantung dan memerlukan.

Dalam hal ini, tentunya dituntut adanya relasi antar sesama yang harmonis di antara semua pihak tersebut. Bagi seseorang yang telah memahami akan keberadaan dirinya tersebut di tengah-tengah masyarakat tentunya akan berperan aktif dalam setiap kesempatan dalam rangka membangun relasi dengan sesama tersebut dan berusaha untuk bergabung dan mendirikan perkumpulan, pertubuhan, perserikatan ataupun organisasi yang dijangkakan akan dapat menjadi tempat memenuhi semua keperluannya, sama ada keperluan ruhani, jasmani mahupun keperluan fikri ataupun dengan bergabung dengan organisasi tersebut mereka dapat mencapai matlamat yang mereka cita-citakan.

Dalam teori sosial dapat kita ketahui bahawa alasan sebahagian manusia bergabung dengan sesebuah organisasi adalah kerana kefahaman, keturunan. Dari jadual Jadual 3.2.3 (a) dan Jadual 3.2.3 (b) dapat diketahui bahawa majoriti latar belakang mengapa mereka bergabung dengan organisasi NU mahupun Muhammadiyah kerana kefahaman, bukan kerana faktor keturunan. Oleh itu dapat kita simpulkan bahawa majoriti mereka memilih untuk bergabung dalam pertubuhan tersebut, kerana mereka percaya bahawa pertubuhan tersebut dapat memenuhi keperluan rohani, jasmani dan fikri serta mereka meyakini bahawa bergabungnya mereka dengan pertubuhan tersebut dapat mewujudkan cita-cita yang mereka inginkan.

3.5. Implikasi Fahaman Tentang Pembahagian *al-Sunnah*

Bagi menganalisis Menjelaskan tentang implikasi daripada fahaman terhadap pembahagian *Sunnah* terhadap amalan Ibadah dan kehidupan sosial masyarakat, penulis telah menghubungkannya dengan item-item *ubūdiyyah* dan kesan sosial masyarakat seperti; ketaatan kepada Imam (dalam solat) yang berbeza tata cara amalan ibadah pada waktu solat, silaturahim, implikasi perbezaan tata cara amalan ibadah dan parti politik, dan beberapa contoh daripada kefahaman terhadap *Sunnah tasrī'yyah* dan yang bukan *tasrī'yyah*. Untuk mengetahui Implikasi perbezaan kefahaman kerkenaan hal di atas, sebanyak 6 soalan telah dikemukakan. Jadual Jadual 3.2.4 (a) dan (b) menunjukkan keputusan analisis secara menyeluruh bagi 6 soalan berkaitan dengan item-item implikasi daripada fahaman terhadap pembahagian *Sunnah* terhadap amalan ibadah dan kehidupan sosial masyarakat yang dikemukakan ke atas sejumlah penduduk Provinsi Lampung di seramai 200 orang.

3. 5. 1 Implikasi Terhadap Peribadatan

Akibat terjadinya perbezaan dalam melakukan ritual ibadah yang bersumberkan daripada *Sunnah* maka sebahagian dari umat Islam yang berfahaman NU dan Muhammadiyah tidak mau solat kecuali di masjid yang menurut mereka sesuai dengan fahaman yang mereka lakukan khasnya dalam ibadah yang jelas ada perbezaan dalam pelaksanaannya, seperti solat subuh dan solat jum'at. Pada jadual 3.2.4 (a) no: 1, Bincangan kajian ini mendapati bahawa isu perbezaan fahaman terhadap *Sunnah* berimplikasi kepada

pelaksanaan ritual ibadah adalah memang terjadi. Hal ini berdasarkan hasil soalselidik yang telah disebarakan kepada para responden sama ada dari pada NU mahupun Muhammadiyah.

Dapatan soalselidik adalah, responden yang berasal daripada NU ramai yang menyatakan tidak setuju dengan pernyataan bahawa mereka tidak mau solat di belakang imam yang tidak sefaham dengan mereka, Misalnya mereka membaca do'a qunut pada solat subuh tapi imam tidak membaca, atau sebaliknya. seramai 21 orang (21%) daripada responden yang berasal daripada NU menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 35 orang (35%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 56 orang (56%), tetapi terdapat 11 (11%) orang yang sangat setuju dan 21 orang (21%) yang menyatakan setuju dengan pernyataan di atas menjadikan jumlah keseluruhan seramai 33 orang (33%). Dapatan hasil kajian di atas ialah sebahagian besar responden dari kalangan NU (56%) menyatakan boleh menerima perbezaan yang diamalkan oleh mereka yang berlainan fahaman dalam masalah ubudiyah.

Adapun responden yang berasal daripada Muhammadiyah sebagaimana yang terdapat dalam jadual 3.2.4 (b) no: 1, seramai 23 orang (23%) menyatakan sangat tidak setuju, manakala seramai 55 orang (55%) menyatakan tidak setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 78 orang (78%), tetapi terdapat 1 orang (1%) orang yang sangat setuju dan 10 orang (10%) yang menyatakan setuju dengan pernyataan di atas menjadikan jumlah keseluruhan seramai 11 orang (11%).

Begitu juga tentang isu penutup kepala (peci, sorban, dan selainnya) merupakan *Sunnah* Rasul yang mesti dilakukan ketika solat, maka sebahagian besar responden yang

berasal daripada NU Pada pernyataan (6), berpendapat bahawa penutup kepala (peci, serban, dll) merupakan *Sunnah* Rasul yang mesti dilakukan ketika solat, iaitu seramai 26 orang (26%) menyatakan sangat setuju, manakala seramai 48 orang (48%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 74 orang (74%). Sedangkan daripada Muhammadiyah sebahagian besar responden iaitu seramai 14 orang (14%) menyatakan sangat setuju, manakala seramai 38 orang (38%) menyatakan setuju menjadikan jumlah keseluruhan seramai 52 orang (52%) berbanding dengan yang sangat tidak setuju dan tidak setuju iaitu seramai 26 orang (26%). Hasil soal selidik di atas sesuai dengan adat dan kebiasaan warga NU yang menyatakan bahawa tidak memakai penutup kepala boleh membuat solat menjadi kurang *afdal* (utama). Hal ini sesuai dengan apa yang disampaikan oleh Syeikh al-Bānī, beliau berkata: "Menurut pendapatku, sesungguhnya solat dengan tidak memakai tutup kepala hukumnya adalah makruh. Karena merupakan sesuatu yang sangat disunnahkan jika seorang muslim melakukan solat dengan memakai busana Islami yang sangat sempurna, sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadis: "Karena Allah paling berhak untuk dihadapi dengan berias diri. "(Permulaan hadits di atas adalah: "Jika salah seorang dari Kalian mengerjakan solat, maka hendaklah dia memakai dua potong bajunya. Kerana sesungguhnya Allah paling berhak dihadapi dengan berias diri)"

Begitu juga pendapat dari pada Syeikh Rasyīd Riḍa, beliau berkata: "Tidak memakai tutup kepala tanpa uzur (keadaan yang terpaksa), makruh hukumnya. Terlebih ketika melakukan solat fardu dan teristimewa lagi ketika mengerjakannya dengan berjama'ah".¹⁴

¹⁴ Fatāwa Muḥammad Rasyid Ridha (V/1849) *al Sunan wa al Mubtadi'aat*, h. 69

Kemudian Syeikh al-Bānī menambahkan: “Adapun *istidlal* yang membolehkan membiarkan kepala tanpa tutup, seperti yang dikemukakan sebagian ulamak,¹⁵ mereka mengqiyaskannya kepada busana orang yang sedang memakai baju ihram ketika melaksanakan ibadah haji. Ini adalah qiyas terburuk yang mereka lakukan dan yang pernah kami saksikan. Bagaimana hal ini bisa terjadi, sedangkan tidak menutup kepala ketika ihram adalah syi'ar dalam agama dan termasuk dalam *manāsik* yang jelas tidak sama dengan aturan ibadah lainnya.

Seandainya qiyas yang mereka lakukan itu benar, pasti akan terbentur juga dengan pendapat yang menyatakan tentang kewajiban untuk membiarkan kepala agar tetap terbuka ketika *ihram*. Karena itu merupakan kewajiban dalam rangkaian ibadah haji.¹⁶

Tidak pernah disebutkan sebuah riwayat yang menyatakan bahwa Rasulullah s.a.w. tidak memakai tutup kepala ketika solat, kecuali hanya ketika ihram. Barangsiapa yang menyangka beliau pernah tidak memakai Imamah ketika solat selain pada saat melakukan ihram, maka dia harus bisa menunjukkan dalilnya. Dan yang benar itulah yang paling berhak untuk diikuti.¹⁷

Walaupun melakukan solat dengan membuka kepala tetap sah bagi kaum lelaki, sebab kepala hanya menjadi aurat bagi kaum wanita bukan untuk kaum lelaki. Namun demikian, disunnahkan bagi setiap orang yang melakukan solat untuk mengenakan pakaian yang layak dan paling sempurna. Diantara kesempurnaan busana solat adalah dengan

¹⁵ Sayyid sabiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabī, j. 1, hal. 128

¹⁶ Muḥammad Nasīr al-Dīn al-Albānī (1409), *Tamāmūl Minnah fī al-Ta'līq 'alā Fiqh al-Sunnah*, Maktabah al-Islamiyyah: Dār al-Rayyah li al-Nasyr. hal 164-165

¹⁷ Muḥammad Nasīr al-Dīn al-Albānī (t.t), *al-Ajwibah al-Nāfi'ah 'An al-Masā'il al-Wāqi'ah*, h. 10, Maktabah Syamīlah Iṣḍār al-Thānī

memakai *'imāmah* (kain serban yang diikatkan di kepala), songkok atau sebagainya yang biasa dikenakan di kepala ketika beribadah. Oleh kerana itu, maka yang perlu disebutkan di sini adalah bahwa solat tanpa mengenakan tutup kepala hukumnya adalah makruh sahaja, sebagaimana yang disebutkan di atas. Adapun anggapan orang awam tentang tidak bolehnya bermakmum pada imam yang tidak memakai tutup kepala, maka anggapan tersebut tidaklah benar. Akan tetapi tidak boleh disangkal kalau hal tersebut memang lebih baik tidak dilakukan, sebelum seorang imam memenuhi semua syarat kesempurnaan solat dan mengikuti semua Sunnah Nabi s.a.w.¹⁸

Malahan, dari dapatan soal selidik jadual 3.2.4 (a) dan (b) tersebut dapat diketahui bahawa sikap responden yang berasal dari pada Muhammadiyah terhadap perbezaan lebih baik berbanding sikap responden yang berasal daripada NU. Dari hasil kajian di atas dapat disimpulkan bahawa orang-orang Muhammadiyah lebih mampu untuk menerima perbezaan pendapat berbanding dengan orang-orang NU. Oleh sebab itu, dapatan membuktikan bahawa isu perbezaan dalam mengamalkan beberapa ritual ibadah yang berasal dari perbezaan dalam memahami *al-Sunnah* sememangnya terjadi walaupun hal tersebut tidak seramai yang diperkirakan oleh orang

3.5.2 Implikasi Terhadap Kehidupan bermasyarakat dan Sosial

Walaupun kebanyakan responden boleh menerima perbezaan dalam melakukan amalan ibadah dalam kehidupan seharian mereka tetapi terdapat juga sebahagian mereka yang payah menerima perbezaan yang berlaku dan keadaan ini sedikit sebanyak memberi

¹⁸ Syaikh Abū Ubaidah Masyhurrah Ibn Ḥasan Ibn Maḥmūd Ibn Salmān (2001), *Al-Qaul al-Mubīn Fī Akḥḥā'al-Muṣallīn*, Koreksi Total Ritual Sholat, Jakarta: Penerbit Pustaka Azzam, h. 66 - 68

kesan kepada ketenteraman masyarakat umum khususnya masyarakat Muslim di provinsi Lampung. Bahkan ada 32% dari kalangan NU dan 11% daripada kalangan Muhammadiyah yang menyatakan tidak mau solat di belakang imam yang tidak sefaham dengan mereka, contohnya perbezaan tentang qunut solat subuh¹⁹. Akan tetapi, hasil kajian ini juga mendapati bahawa apabila orang yang berbeza dalam tata cara ibadah tersebut sakit, atau tertimpah musibah, maka sebahagian besar responden tetap akan mengunjungi mereka dan mendoakan kebaikan bagi yang sakit sebagaimana ditunjukkan oleh jadual 3.2.4 (a) dan (b) item 2 iaitu seramai 95% dari kalangan NU dan 90% dari kalangan Muhammadiyah merasa bahawa perbezaan amalan dalam ibadah tidak berpengaruh langsung kepada pergaulan sosial masyarakat sehari-hari. Walaupun ada sedikit dari mereka yang terpengaruh dengan isu perbezaan tersebut iaitu 3% dari kalangan NU dan 4% dari kalangan Muhammadiyah. Justeru, yang lebih berpengaruh di kalangan masyarakat NU dan Muhammadiyah ialah isu perbezaan dalam parti politik bukan isu perbezaan dalam amalan ibadah. Sebagaimana ditunjukkan oleh jadual 3.2.4 (a) dan (b) item 3, iaitu 33% di kalangan NU dan 27% dari kalangan Muhammadiyah.

3.6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya analisis kajian ini telah berjaya mengenal pasti adanya perbezaan kefahaman terhadap *Sunnah tasyri'iyah* dan *ghayr tasyri'iyah* di kalangan NU dan Muhammadiyah di Provinsi Lampung serta kesannya ke atas amalan ibadah. Analisis yang telah dijalankan menunjukkan perbezaan kefahaman antara NU dan Muhammadiyah benar-benar wujud di kawasan kajian. Tetapi perbezaan ini hanya sebatas pada masalah-

¹⁹ Lihat Jadual 3.2.4 (a) dan (b) item 1.

masalah yang *furu'* sahaja, bukan dalam masalah *usul*. Hal tersebut ini terjadi berpunca dari pada perbezaan tata cara istinbat dalil sama ada dari al-Qur'an mahupun *Sunnah*.

Begitu juga tentang perbezaan pandangan terhadap suatu amalan di kalangan mereka, sebahagian mereka dipercayai mempertikaikan amalan ibadat yang dilakukan oleh organisasi selainnya yang dianggap mengamalkan bid'ah. Perbezaan kefahaman tentang bid'ah ini juga yang menjadi punca dari pertikaian di tengah-tengah masyarakat. Pemahaman sebahagian mereka kepada hadis bid'ah amat sempit sehingga menyatakan mereka yang mengamalkan bid'ah adalah sesat semata-mata walaupun sebahagian ulamak memandang bahawa tidak semua bid'ah *mazmūmah*, tetapi terdapat juga bid'ah yang baik iaitu bid'ah *hasanah*. Pemahaman dan pengajian agama masyarakat di sini mentakrifkan bid'ah itu terbahagi kepada kepada dua iaitu bid'ah *hasanah* (baik) dan bid'ah *dalalah* (sesat). Keadaan ini menyebabkan seolah-olah mereka membina dinding yang memisahkan antara mereka dan pengikut organisasi lain. Oleh itu, maka diharapkan kepada para pimpinan dari kedua-dua organisasi untuk melakukan pembinaan-pembinaan yang sewajarnya supaya para pengikut mereka mempunyai sikap dan tingkah laku yang mencerminkan sebagai penganut agama Islam yang baik. Sifat-sifat seperti toleransi, *tawadu'* dan merendah diri mesti diamalkan oleh mereka, hal tersebut boleh menyebabkan mereka dilihat tidak mengancam pengikut organisaisi lain untuk mengamalkan ibadat yang lebih baik dan tenteram dan berimplikasi kepada kehidupan bermasyarakat dan sosial yang lebih baik.

Analisis kajian ini juga mendapati kebanyakan responden boleh menerima tata cara pengamalan dalam ibadah yang berbeza dan tidak akan berpengaruh, kerana mereka memandang bahawa perbezaan tersebut adalah suatu kenyataan.